

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 10.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang berasal dari Semenanjung Malaysia telah dihantar bertugas di negeri Sarawak dalam tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015. Apakah komposisi daripada segi kaum guru-guru tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan bagi menempatkan guru kelahiran dari negeri Sarawak untuk mengisi kekosongan jawatan di negeri tersebut. KPM perlu memastikan penempatan dan pertukaran guru dilaksanakan berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan tanpa mengira kaum.

Sepanjang tahun 2013 sehingga 25 Februari 2015, seramai 5,892 orang guru berasal dari Semenanjung yang meliputi komposisi kaum bumiputera, bukan bumiputera dan lain-lain telah dihantar bertugas di

Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 4,079 orang ditempatkan di sekolah rendah manakala 1,813 orang guru ditempatkan di sekolah menengah.

RJM08